



UniSHAMS

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
UNIVERSITY OF ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

E-BULETIN **UNISHAMS**

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

EDISI 2023



TINTA EDITOR

Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian kehadiran Allah S.W.T di atas limpahan kurniaan-Nya dapat kami siapkan Buletin UniSHAMS Edisi 2023. Kami sangat berbesar hati untuk berkongsi dengan anda edisi terkini Buletin UniSHAMS.

Tahun ini membawa lebih banyak maklumat, inspirasi, dan sorotan berita mengenai perkembangan terkini dalam dan luar kampus serta komuniti kita yang tercinta.

Terima kasih kerana terus menyokong Buletin UniSHAMS. Kami berharap anda menikmati setiap halaman dan mendapat maklumat yang bermanfaat.

Selamat membaca!

MUHAMMAD NAFIS BIN ABD RAHIM
Editor

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Sekapur Sireh Naib Canselor	3
BERITA DALAM KAMPUS	
Lawatan Jamiah Al-Wasatiah Al-Syari'yyah Lil Ulum Al-Islamiah Wa Al-Insaniyah, Hadramaut Yaman	4
Kunjungan Hormat Pemerintah Provinsi Sumatera Barat, Indonesia	4
Program Santia 6 Ribu Langkah Warga Kerja UniSHAMS	5
Majlis Kesyukuran Sempena Kelulusan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Universiti, Sambutan Ramadhan 1444h Dan Amanat Naib Canselor 2023	6
Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) UniSHAMS Dan Yayasan ABADA	7
Global Money Week Financial Well-Being 2023 UniSHAMS – KWSP	7
Majlis Iftar Jama'ie UniSHAMS 2023	8
Kunjungan Hormat Delegasi Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang Ke UniSHAMS	8
UniSHAMS World #Quranhour 2023	9
Majlis Menandatangani MoU DIANTARA UniSHAMS - Zul Hijrah Resources	9
Minggu Keusahawanan Siswa 2023, UniSHAMS	10
Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat Korporat Daripada Koperasi Tunas Muda Sempena Hari Raya Aidilfitri Kepada Pelajar	11
Young Futuremakers Malaysia: Cita Rasa Masa Depan	11
Program Satellite Event Di Bawah Inisiatif Minggu Latihan Kebangsaan 2023	12
Kunjungan Hormat Pengarah Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi Ke UniSHAMS	13
Kunjungan Hormat EMZI Holding Sdn. Bhd Kerjasama Bersama Halal Profesional Board (HPB) JAKIM Bakal Membuka Peluang UniSHAMS Sebagai Pusat Penyedia Latihan Halal	13
Kunjungan Hormat Delegasi Pengurusan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)	14
Kunjungan & Perbincangan Ketua Pegawai Eksekutif KIDU Bersama Naib Canselor UniSHAMS	14
Kunjungan Hormat Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM) Ke UniSHAMS	15
Kursus Protokol & Etiket Sosial Majlis Rasmi UniSHAMS	15
Kunjungan Hormat Universitas Nahdlatul Ulama Sunan Giri, Indonesia Ke UniSHAMS	16
Sambutan Ambang Kemerdekaan Sempena Hari Kebangsaan Ke-66 Dan Program Citra UniSHAMS: Gotong Royong Perdana	17-18
Kunjungan Hormat Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Pengerusi Jawatankuasa Industri & Pelaburan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi & Inovasi ke UniSHAMS	18
Kunjungan Hormat Delegasi Kolej Al-Quran Terengganu Ke UniSHAMS	19
Festival Bahasa Jiwa Bangsa 2023 Peringkat Negeri Kedah	19
Kemeriah Sambutan Maulidur Rasul 1445H Peringkat UniSHAMS	20
Program "Sawadee UniSHAMS"	21
Sambutan Hari Akademia UniSHAMS 2023	21
Kunjungan Hormat Delegasi Uin Mahmud Yunus Batusangkar Ke UniSHAMS	22
Majlis Penyerahan Zakat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Bagi Tahun 2022	23
Himpunan Solidariti Palestine Di UniSHAMS	23-24

Kunjungan Hormat Delegasi Asean Lecturer Community (ALC) & Majlis Menandatangani MoU Bersama Universitas Buana Perjuangan (UBP) Karawang, Indonesia	25
Karnival Awesome D' UniSHAMS 2.0 Cetus Fenomena Kemeriahan Di Kuala Ketil	25-26
UniSHAMS Raih Kejayaan Lepasi Audit Pensijilan ISO 21001:2018 Educational Organization Management System (EOMS) Peringkat Kedua	27
Hari Anugerah Kualiti UniSHAMS: Meraikan Kecemerlangan Pencapaian Dalam Perkhidmatan Dan Kualiti Pendidikan	28
PROGRAM KESIHATAN DAN KECERCASAN FIZIKAL : SLOW JOG	28-29
BERITA DALAM KAMPUS	
Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK)	30
Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 8)	30-31
Program Mobiliti Antarabangsa (Inbound) UniSHAMS- UNP 2023	31-32
UniSHAMS Persembahkan Kek Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Ke-81	32
Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (Nou) Di Antara Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Dan Kolej Vokasional Sungai Petani 1	33
Majlis Mengadap Sembah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah, Pro Canselor 1 UniSHAMS	34
Kunjungan Hormat UniSHAMS Ke Bahagian Penganjuran Pelajaran, MARA	34-35
Kunjungan Hormat Naib Canselor UniSHAMS Ke Atas Pengerusi MARA	35
UniSHAMS Meterai Memorandum Perjanjian (MoA) & Memorandum Persefahaman (MoU) Bersama UUM, UITM & LZNK	35-36
Majlis Perasmian Rakyatpreneur & Unipreneur Bank Rakyat 2023	36
Majlis Mengadap Sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, Canselor UniSHAMS	37
ANUGERAH & PENCAPAIAN	
UniSHAMS Terima Penarafan "Berdaya Saing" Dalam SETARA 2022	38
UniSHAMS Berjaya Rangkul Pingat Emas Dalam TReX 2023	39
"Silver Award" Berjaya Dimenangi Penyelidik Dari UniSHAMS Dalam I-RIE 2023	39
UniSHAMS Dragon Boat Club (UDBC) Cemerlang Pada "Penang International Dragon Boat Regatta 2023"	40

Kulliyah Kaunseling & Sains Sosial	41
Memenangi Gold Dan Silver Di International Education Innovation Expo 2023 Di UPSI	
Mahasiswa UniSHAMS Raih Kejayaan Cemerlang Pada MTHQIPT 2023	42
Lensa UniSHAMS 2023	43

Sidang Redaksi

Penasihat

Prof. Dato' Dr. Asmadi bin Mohamed Naim
Naib Canselor / Ketua Eksekutif

Pengarah

Saiful Adli bin Sukhaimi
Pengarah Canselor

Editor

Muhammad Nafis bin Abd Rahim
Penolong Pendaftar, Unit Komunikasi Korporat

Wartawan/Berita

Saiful Adli bin Sukhaimi
 Muhammad Nafis bin Abd Rahim

Susun Atur & Reka Grafik

Ruzuan bin Che Halim
 Intan Nurin Diyana binti Padzil

Jurufoto

Abdul Shukur bin Yaakob
 Mohd Nasfi bin Yon
 Ruzuan bin Che Halim

Terbitan

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Sekapur Sireh Naib Canselor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله الذي أنعم علينا بنعمة الإيمان، وهدينا على دين الإسلام، أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له الملك حق المبين، وأشهد أن سيدنا محمدا عبده ورسوله المبعوث رحمة للعالمين. اللهم صل وسلم وبارك على سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين، أما بعد:

Alhamdulillah, menghampiri akhir tahun ini kita telah bersama-sama dalam komuniti warga Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) menempuh perjalanan yang mengujakan dan penuh makna. Kejayaan ini tidak mungkin dicapai tanpa sokongan, usaha, dan semangat kebersamaan dari setiap ahli komuniti kita, termasuk kakitangan, pelajar, alumni, dan rakan-rakan industri.

Prestasi cemerlang yang ditonjolkan oleh para siswa & siswi, penyelidikan yang membanggakan, dan sumbangan positif kepada masyarakat adalah bukti kecemerlangan dan ketekunan kita. Ini semua merupakan kejayaan kita bersama.

Sebagai tahun baru yang bakal menjelang, marilah kita renungkan pencapaian yang telah kita kecapai dan teruskan semangat untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi. Saya amat berharap agar setiap langkah kecil yang kita ambil akan membawa kebaikan kepada UniSHAMS dan kepada komuniti di sekeliling kita.

Terima kasih kepada semua yang telah memberikan komitmen, idea, dan kerja keras. Kejayaan ini membuktikan bahawa apabila bersatu, kita mampu mencapai kejayaan yang lebih besar dan gemilang.

Saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada seluruh komuniti universiti ini. Semoga tahun yang akan datang membawa kebahagiaan, kejayaan, dan peluang-peluang baru untuk kita semua dalam memartabatkan UniSHAMS di piasa dunia.

Dengan penuh semangat kecemerlangan,

PROF. DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM, DSSS., PMK.

Naib Canselor / Ketua Eksekutif

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

BERITA DALAM KAMPUS

Lawatan Jamiah Al-Wasatiah Al-Syari'yyah Lil Ulum Al-Islamiah Wa Al-Insaniyah, Hadramaut Yaman

Kuala Ketil, 8 Januari 2023 – Naib Canselor UniSHAMS telah menerima kunjungan daripada Jamiah Al-Wasatiah Al-Syari'yyah Lil Ulum Al-Islamiah Wa Al-Insaniyah, Hadramaut, Yaman.

Delegasi daripada Yaman ini, diketuai oleh Habib Mazen Ebrahim Almusawa – Ketua Jabatan Fiqh Tahawwulat, Al-Wasatiah Al-Syar'iah University for Islamic & Humanitarian Sciences, Ustaz Muhammad Saeed Al-Adni – Mudir, Maahad Al Imam Al-Adni, Shah Alam. Turut hadir Dr Ahmad Fakhrrurazi bin Mohammed Zabidi, Pensyarah Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Delegasi ini disambut oleh Pengurusan Tertinggi dan Dekan-Dekan Kulliyah Pengajian Islam UniSHAMS.



Kunjungan Hormat Pemerintah Provinsi Sumatera Barat, Indonesia



Kuala Ketil, 7 Mac 2023 - UniSHAMS berbesar hati menerima kunjungan hormat delegasi Pemerintah Provinsi Sumatera Barat, Indonesia yang diketuai oleh H. Mahyeldi, S.P., Gubernur Sumatera Barat dan isteri Hajjah Harneli Bahar. Turut hadir bersama adalah Kepala Dinas Pendidikan, Kepala Biro Administrasi Pimpinan, Kepala Badan Penghubung, Bank Nagari dan Ajudan Gubernur.

Satu sesi perbincangan berkaitan cadangan kerjasama strategik di antara kedua belah pihak telah diadakan di Dewan Senat, Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak, UniSHAMS. Turut hadir dalam sesi perbincangan tersebut adalah ahli Pengurusan Eksekutif, Dekan Kulliyah, Pengarah dan Pegawai UniSHAMS. Delegasi juga telah dibawa melawat ke Galeri Tuanku Canselor dan meninjau persekitaran kampus.

Program Santai 6 Ribu Langkah Warga Kerja UniSHAMS 2023



Kuala Ketil, 12 Mac 2023 - UniSHAMS telah menganjurkan Program Santai 6 Ribu Langkah anjuran Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Sukan. Program bermula pada pukul 8.30 pagi dimana semua peserta berkumpul di medan letak kereta Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak untuk mendengar taklimat perjalanan program serta aktiviti pemanas badan yang dipimpin oleh Atlet Taekwondo UniSHAMS. Sesi pelepasan peserta dilaksanakan oleh Y.Bhg. Naib Canselori tepat pukul 9.30 pagi.

Aktiviti jalan kaki satu setengah pusingan UniSHAMS itu berakhir di lobi bangunan canselori dimana acara memotong kek merayakan ulang tahun kelahiran warga kerja UniSHAMS Januari hingga Mac dilaksanakan sebelum penyampaian hadiah kepada 30 peserta lelaki dan 30 peserta wanita terawal yang berjaya menamatkan acara. Hadiah disampaikan oleh Y.Bhg. Naib Canselori serta Timbalan Naib Canselori Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Program tamat pada pukul 11.30 pagi. Tahniah & syabas kepada semua pemenang dan para peserta.

Majlis Kesyukuran Sempena Kelulusan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Universiti, Sambutan Ramadhan 1444h Dan Amanat Naib Canselor 2023

Kuala Ketil, 14 Mac 2023 - Majlis kesyukuran sempena kelulusan pembaharuan Perakuan Pendaftaran Universiti, sambutan Ramadhan 1444H dan Amanat Naib Canselor 2023 telah berlangsung dengan jayanya, bertempat di Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Aminah, UNISHAMS.

YBhg. Naib Canselor telah menyempurnakan amanat tahun 2023 dengan pembentengan berkaitan pencapaian tahun 2022, isu dan cabaran, serta hasrat mencorak kejayaan yang lebih cemerlang untuk tahun 2023 kepada semua staf yang hadir.

Terdahulu, majlis telah dimulakan dengan bacaan Yasin yang telah dipimpin oleh YBrs. Dr Mohd Syauqi Arshad, Dekan Kulliyah Bahasa Arab, UniSHAMS. Satu sesi tazkirah Ramadhan turut disampaikan oleh YBrs. Ustaz Mohamad Ridhaudin Mohd Salleh, Pensyarah Kulliyah Syariah & Undang-Undang, UniSHAMS.

YBhg. Naib Canselor seterusnya menyampaikan Sijil Penghargaan kepada 30 orang ketua KPB di atas sumbangan menjayakan proses permohonan pembaharuan Perakuan Pendaftaran Universiti.

Selain itu, majlis pelancaran Portal Staf UniSHAMS telah disempurnakan oleh YBhg. Naib Canselor. Portal ini akan menjadi medium utama yang bakal memberikan kemudahan kepada staf UniSHAMS dalam urusan seharian.

Untuk makluman, UniSHAMS telah menerima kelulusan pembaharuan Perakuan Pendaftaran Universiti untuk tempoh lima (5) tahun, bermula pada 5 Februari 2023 hingga 4 Februari 2028.



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) UniSHAMS Dan Yayasan ABADA

Kuala Ketil, 21 Mac 2023 - Majlis menandatangani MoU di antara UniSHAMS melalui Pusat Pengajian Asasi dan Yayasan Abada telah berlangsung dengan jayanya, bertempat di Dewan Senat, Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak.

Pemeterian MoU ini akan membuka ruang dan peluang kerjasama dua hala yang berterusan dalam usaha mencorak hala tuju yang terbaik buat pelajar-pelajar tahfiz untuk menyambung pengajian di UniSHAMS.



Global Money Week Financial Well-Being 2023 UniSHAMS - KWSP

Kuala Ketil, 22 Mac 2023 - YBhg. Naib Canselor telah menyempurnakan perasmian program Global Money Week Financial Well-Being 2023 UniSHAMS - KWSP yang telah diadakan di Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah, UniSHAMS.

Program anjuran bersama Pusat Pengajian & Penyelidikan Kewangan Islam (UniSHAMS CIFER), Pejabat Pendaftar, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sungai Petani dan Financial Education Network telah dihadiri oleh mahasiswa dan staf UniSHAMS. Program ini memberi perkongsian berkaitan kesedaran terhadap jenayah kewangan dan kepentingan simpanan masa hadapan.

Turut hadir menjayakan program hari ini adalah wakil Bank Negara Malaysia Pulau Pinang iaitu Puan Hasjun Hashim, Encik Sabri Hamid, Pengurus Kanan KWSP Wilayah Utara dan staf KWSP Cawangan Sungai Petani.

Sempena kedatangan bulan Ramadan yang mulia, satu majlis ringkas pelancaran Program Ramadan Kareem, anjuran Pusat Hal Ehwal Pelajar, melalui Majlis Perwakilan Mahasiswa dan Permuafakatan Persatuan dan Kelab Pelajar UniSHAMS telah disempurnakan oleh YBhg. Naib Canselor, sambil diiringi



Majlis Iftar Jama'ie UniSHAMS 2023

Kuala Ketil, 11 April 2023 - Majlis Iftar Jama'ie UniSHAMS 2023 telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Aminah.

Majlis anjuran Pejabat Pendaftar melibatkan penyertaan dari kalangan staf dan pelajar telah bermula sekitar jam 6:00 petang dengan pengisian ceramah sempena Nuzul Al-Quran.

Yang Berbahagia Naib Canselor hadir bersama isteri dan anak bagi menyeronokkan lagi majlis kali ini. Turut hadir adalah barisan ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif UniSHAMS dan ahli keluarga.

Majlis tamat selepas Solat Tarawih.



Kunjungan Hormat Delegasi Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang Ke UniSHAMS

Kuala Ketil, 13 April 2023 - UniSHAMS telah menerima kunjungan hormat delegasi Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC). Delegasi tersebut diketuai oleh Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar, Nabella Ridhuan Lau, Eksekutif Program dan Arief Ferdaus Azmi, Eksekutif Komunikasi.

Satu sesi perbincangan di antara kedua belah pihak diadakan di Dewan Senat dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan turut dihadiri oleh barisan ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Pengarah dan pegawai UniSHAMS.

Satu pertemuan di antara pihak PYDC dan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM), Pengurusan Tertinggi Kelab & Persatuan serta wakil mahasiswa dari Pulau Pinang turut diadakan berkaitan peluang kolaborasi dan penyertaan program yang dianjurkan di bawah PYDC.



UniSHAMS World #Quranhour 2023

Kuala Ketil, 13 April 2023 - UniSHAMS World #QuranHour 2023 telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Surau Al-Insaniyyah. Program yang bermula pada jam 12:00 tengahari disertai oleh staf UniSHAMS.

Program diadakan secara serentak di seluruh negara adalah berdasarkan konsep membaca Al-Quran, mendalami maksud, bertadabbur serta mengamalkannya.

Program bacaan Surah Al-Insan telah dipimpin oleh Ustaz Muhd Thoriq Asshiddiq Che Ahmad, Pensyarah Kulliyah Usuluddin & Sains Al-Quran, manakala tadabbur dipimpin oleh Ustaz Ahmad Nasir Awang, Pensyarah Pusat Pengajian Asasi.



Majlis Menandatangani MoU DIANTARA UniSHAMS - Zul Hijrah Resources



Kuala Ketil, 16 April 2023 - Alhamdulillah, selesai Majlis Menandatangani MoU diantara UniSHAMS & ZUL HIJRAH RESOURCES.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman ini disempurnakan oleh Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed Naim selaku Naib Canselor UniSHAMS dan Dr. Rahayati binti Ahmad selaku Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan.

Manakala di pihak UNIRA, tandatangan MoU ini telah disempurnakan oleh Tn. Zulkarnain bin Hassan @ Ali selaku CEO ZUL HIJRAH RESOURCES dan Tn. Muhammad Sulaiman bin Mahmmad Nor selaku Agency Manager Takaful Ikhlas.

Semoga MoU yang telah di meterai dapat mengukuhkan lagi jalinan kerjasama dari sudut akademik dan penyelidikan bagi institusi pengajian tinggi ini dan pihak Industri inshaaAllah.

Minggu Keusahawanan Siswa 2023, UniSHAMS

Kuala Ketil, 3 Mei 2023 - Pengisian Program Citra UniSHAMS * Minggu Keusahawanan Siswa 2023, UniSHAMS*.

Di anggarkan 40 gerai dan seramai 500 peniaga di kalangan pelajar UniSHAMS telah menyertai program ini dan juga hadir berasama ialah Pihak Bank Rakyat Cawangan Sungai Petani bagi menyempurnakan penyerahan Mock Cheque berjumlah RM60,000.00 yang akan diagihkan kepada peserta Program UniPRENEUR Bank Rakyat 3.0.

Pihak Pusat Hal Ehwal Pelajar merakamkan jutaan terima kasih kepada Y. Bhg. Naib Canselor, Prof Dr. Asmadi Mohamed Naim, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dr Rohani Binti Desa serta semua kakitangan dan juga pelajar yang hadir untuk memeriahkan program ini.

Semoga program seumpama ini dapat memberi impak yang positif kepada pelajar untuk berminat dalam bidang keusahawanan dan pada masa yang sama dapat melahirkan graduan yang berpotensi bekerja dalam apa jua bidang. Good luck pelajar UniSHAMS.



Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat Korporat Daripada Koperasi Tunas Muda Sempena Hari Raya Aidilfitri Kepada Pelajar

Kuala Ketil, 16 Mei 2023 – Seramai 50 orang pelajar yang berkelayakan telah mendapat sumbangan zakat korporat daripada Koperasi Tunas Muda, Pulau Pinang sempena hari raya aidilfitri yang diberikan secara tunai.

Penyerahan sumbangan ini disempurnakan oleh Encik Mohd Marwan bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar. Dalam majlis ini Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar dalam ucapan beliau mengatakan bahawa data agihan sumbangan zakat korporat ini di ambil daripada permohonan pelajar zakat wakalah Tabung Haji bagi fasa 1 yang berkelayakan. Beliau juga menasihati kepada pelajar supaya menggunakan sumbangan tersebut dengan sewajarnya.

Hadir sama dalam majlis ini En. Muhammad Hilmi bin Che Halim, Penolong Pendaftar Pusat Hal Ehwal Pelajar dan kakitangan Pusat Hal Ehwal Pelajar.



Young Futuremakers Malaysia: Cita Rasa Masa Depan

Kuala Ketil, 13 Mei 2023 – UniSHAMS melalui Unit Jaringan Industri & Masyarakat dengan kerjasama International Labour Organization (ILO) dan Standard Chartered telah menganjurkan Program Young Futuremakers Malaysia: Cita Rasa Masa Depan dengan tema Menjelajahi Keunikan dan Kreativiti Dalam Industri Pembuatan Pehidmatan Makanan.

Program disertai seramai 175 orang peserta daripada Kolej Komuniti Sik, Kolej KEDA, Giat MARA Merbok, Kolej Vokasional Sungai Petani 2, Institut Kemahiran Belia Negara, Kulliyah Hospitaliti & Seni Kreatif dan Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan.



Program Satellite Event Di Bawah Inisiatif Minggu Latihan Kebangsaan 2023

Kuala Ketil, 24 Mei 2023 - UniSHAMS melalui Jabatan Pendaftar dengan kerjasama pihak HRD Corp telah menganjurkan Program Satellite Event di bawah inisiatif Minggu Latihan Kebangsaan 2023. Program ini telah melibatkan tujuh kursus / latihan secara serentak iaitu melibatkan 5 program untuk kakitangan UniSHAMS dan 2 program untuk pelajar UniSHAMS.

Antara program yang dijalankan adalah Kursus Etiket Sosial Etiket di Meja Makan Majlis Rasmi, Bengkel Mobilegraphy, Bengkel Teknik Asas Kemahiran Membaca Al-Quran, Bengkel faraid, Bual Bicara Bersama Alumni, Mock Interview serta Kursus Penyediaan Dokumen Pengenalpastian Penafsiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC).



Kunjungan Hormat Pengarah Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi Ke UniSHAMS

Kuala Ketil, 28 Mei 2023 - UniSHAMS berbesar hati menerima kunjungan hormat Yang Berbahagia Dato' Haji Shushillil Azam Shuib, Pengarah Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi, pagi ini.

Ketibaan di Lobi Utama, Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak telah disambut oleh barisan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE) yang diketuai oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr Muhammad Nasri Md. Hussain, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa.

Satu sesi perbincangan turut diadakan di Dewan Senat UniSHAMS bersama Ahli JPE, Dekan Kulliyah, Pengarah Pusat dan Pegawai UniSHAMS berkaitan pelaksanaan program mobiliti pelajar dan isu pengantarabangsaan.

Selain itu, Yang Berbahagia Dato' Haji Shushillil turut berkesempatan untuk meninjau persekitaran kampus serta melawat Galeri Tuanku Canselor UniSHAMS. Beliau juga sempat bertemu beberapa wakil pelajar antarabangsa UniSHAMS daripada negara seperti Mesir, Thailand, Kemboja dan Indonesia.



Kunjungan Hormat EMZI Holding Sdn. Bhd

Kuala Ketil, 04 Julai 2023 - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah menerima kunjungan delegasi daripada EMZI Holding Sdn. Bhd (Ekonomi Muslim Zakat Islam) yang diketuai oleh YBrs. Encik Roslan bin Mohamed (Pengarah Pengurusan dan Komunikasi Korporat), Puan Yuszaiwani binti Md Yusof (Eksekutif Komunikasi Korporat) dan Puan Noor Nastassia Farhana Idayu binti Mohd Redza (Eksekutif Pengurusan Korporat) dan wakil UniSHAMS yang dihadiri oleh YBrs. Dr. Rohani binti Desa, (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni), En. Mohamad Alf Azreen bin Shafie @ Hassan (Pemangku Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar), En. Anwar Fadhli (Pengarah Pusat Sukan) dan Ketua-ketua Unit Pusat Hal Ehwal Pelajar.

Hasil kunjungan tersebut telah membincangkan mengenai wakalah kepada pelajar dan lain-lain peluang usahasama yang boleh dijalankan di antara kedua-dua pihak untuk usaha meningkatkan pembangunan pelajar terutama golongan asnaf.

Diharap agar segala usaha ini dipermudahkan dan dapat memberi manfaat kepada pelajar UniSHAMS terutama golongan asnaf.



Kerjasama Bersama Halal Profesional Board (HPB) JAKIM Bakal Membuka Peluang UniSHAMS Sebagai Pusat Penyedia Latihan Halal

Kuala Ketil, 30 Julai 2023: UniSHAMS telah menerima kunjungan daripada Halal Profesional Board (HPB) JAKIM. Kunjungan kali ini merupakan sesi audit penilaian universiti selain bertujuan untuk membincangkan kerjasama di antara kedua pihak dalam kerangka mewujudkan pusat penyedia latihan halal di UniSHAMS.

Delegasi seramai 2 orang tersebut disambut oleh Y.Bhg Prof Madya Dr. Muhammad Nasri bin Md. Hussain, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa bersama Ahli Pengurusan Jawatankuasa Eksekutif (JPE) UniSHAMS serta para dekan. Sesi perbincangan dilaksanakan di Dewan Senat, Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak sebelum para tetamu dibawa untuk sesi lawatan ke bilik seminar yang bakal dijadikan pusat latihan kelak.



Kunjungan Hormat Delegasi Pengurusan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)

Kuala Ketil, 31 Julai 2023: UniSHAMS telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi pengurusan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL). Delegasi seramai 6 orang yang diketuai oleh Y.Bhg. Dr. Yusri Mohamad, Pengerusi KPBKL tiba di Lobi Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak pada pukul 11.00 pagi.

Kunjungan ini bertujuan untuk mengukuhkan ikatan ukhuwwah di antara kedua belah pihak selain berbincang untuk mengaktifkan semula Memorandum Persefahaman yang telah dimeterai pada 30 April 2019 yang lalu. Selain itu, kunjungan juga bertujuan untuk membentangkan berkenaan Special Pathway Program.



Kunjungan & Perbincangan Ketua Pegawai Eksekutif KIDU Bersama Naib Canselor UniSHAMS

Kuala Ketil, 1 Ogos 2023: Yang Berbahagia Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) berbesar hati menerima kunjungan delegasi Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Ustaz Zawawi Haji Ahmad, Pendaftar, Ustaz Abdul Ghani Abdullah dan En. Muhammad Nor Syamil Omar.

Satu sesi perbincangan berkenaan peluang kerjasama strategik di antara kedua belah pihak turut diadakan, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak. Hadir bersama pada sesi perbincangan tersebut adalah ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif dan pegawai UniSHAMS.



Kunjungan Hormat Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM) Ke UniSHAMS



Kuala Ketil, 7 Ogos 2023 - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) berbesar hati menerima kunjungan hormat delegasi Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM). Delegasi IBFIM diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif iaitu En. Yusry Yusoff yang hadir bersama En. Mohamad Salihin Deris, Pengarah Perundingan Perniagaan Syariah dan En. Mohammad Khairi Saat, Pengarah Latihan dan Pembangunan Bakat.

Satu sesi perbincangan berkaitan cadangan jaringan kerjasama akademik di antara kedua belah pihak telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak. Sesi perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor dan disertai oleh ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Dekan Kulliyah Syariah & Undang-Undang, wakil Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan, wakil Pusat Pengajian & Penyelidikan Kewangan Islam (CIFER), Pengarah Canselor dan Pegawai UniSHAMS.

Naib Canselor dalam ucapan beliau, memberi penekanan agar jaringan kerjasama yang strategik di antara UniSHAMS dan IBFIM dapat direalisasikan melalui pemeterian Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian, demi kemaslahatan bersama.

Terdahulu, delegasi IBFIM turut berkesempatan untuk meninjau Galeri Tuanku Canselor yang menempatkan koleksi gambar dan dokumen berkenaan sejarah pembangunan INSANIAH, KUIN dan UniSHAMS.

Kursus Protokol & Etiket Sosial Majlis Rasmi UniSHAMS

16 Ogos 2023 | Kuala Ketil- Pejabat Pendaftar UniSHAMS telah menganjurkan Kursus Protokol & Etiket Sosial Majlis Rasmi UniSHAMS bertempat di Bilik Seminar, Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah (DTPHH).

Seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada Penolong Pendaftar dan petugas Istiadat Konvokesyen UniSHAMS Kali Ke-25 telah dijemput menyertai kursus pada kali ini.

Kursus disampaikan oleh penceramah yang dijemput khas daripada Bahagian Istiadat & Pengurusan Majlis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah iaitu Y.Brs Tuan Hannan Mohammed Hatta.

Para peserta dihidangkan dengan 5 slot keseluruhan dalam pelbagai tajuk seperti protokol diraja, pengurusan majlis rasmi, pemakaian & keterampilan diri dan etiket meja makan.

Semoga pengajuran kursus pada kali ini dapat memberi kefahaman yang lebih jelas kepada semua staf yang terlibat dalam mengaplikasikan protokol & etiket yang sesuai dalam penganjuran majlis-majlis rasmi di UniSHAMS. Kursus tamat pada pukul 4.30 petang.



Kunjungan Hormat Universitas Nahdlatul Ulama Sunan Giri, Indonesia Ke UniSHAMS

29 Ogos 2023 | Kuala Ketil - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) berbesar hati menerima kunjungan hormat delegasi Universitas Nahdlatul Ulama Sunan Giri (UNUGIRI), Indonesia. Delegasi tersebut diketuai oleh Rektornya iaitu M. Jauharul Ma'arif, Timbalan Rektor I, Dr H.M. Ridhwan Hambali, Timbalan Rektor II, Dr H. Yogi Prana Izza, Timbalan Rektor III, Dr Nurul Huda, Timbalan Rektor IV, Dr Hj. Iffa Kholira Ningrum, Ketua Pejabat Antarabangsa, Dr Ari Abi Aufa, Drs. H. Saifuddin Idris dan Drs. H. Mundzar Fahman.

Satu sesi perbincangan berkaitan cadangan jaringan kerjasama akademik di antara kedua belah pihak telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak. Sesi perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Dr Asnani Bahari, Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah, mewakili Naib Canselor dan turut disertai oleh ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Dekan Kulliyah, Pengarah Pusat Kerjasama & Hubungan Antarabangsa, Pengarah Canselori dan Pegawai UniSHAMS.

Terdahulu, delegasi UNUGIRI turut berkesempatan untuk meninjau Galeri Tuanku Canselor yang menempatkan koleksi gambar dan dokumen berkenaan sejarah pembangunan INSANIAH, KUIN dan UniSHAMS.



Sambutan Ambang Kemerdekaan Sempena Hari Kebangsaan Ke-66 Dan Program Citra UniSHAMS: Gotong Royong Perdana

30 Ogos 2023 | Kuala Ketil - Pusat Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan sambutan Ambang Kemerdekaan sempena Hari Kebangsaan Ke-66 negara, peringkat UniSHAMS dan Program Citra UniSHAMS: Gotong Royong Perdana.

Program bermula seawal jam 8:30 pagi, di mana para peserta dikehendaki untuk berkumpul di perkarangan Bangunan AB, UniSHAMS.

Program telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Zaini Haji Ramli, Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri (TNCK) serta dihadiri oleh Pengarah, staf Pusat Hal Ehwal Pelajar dan seluruh mahasiswa/wi UniSHAMS.

Usai ucapan perasmian, program diserikan dengan gimik pelancaran serta serahan bendera Malaysia kepada perasmi, sebelum menyanyikan lagu 'Jalur Gemilang' secara bersama.

Mengakhiri program, para peserta bergerak ke Bangunan Kulliyah masing-masing untuk memulakan Program Citra UniSHAMS: Gotong Royong Perdana. Program seumpama ini diadakan bagi menyemai semangat kebersamaan di kalangan staf dan mahasiswa/wi serta memupuk rasa tanggungjawab dalam pemeliharaan kampus dan alam sekitar.



Kunjungan Hormat Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Pengerusi Jawatankuasa Industri & Pelaburan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi & Inovasi ke UniSHAMS

7 September 2023 | Kuala Ketil - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) berbesar hati menerima kunjungan hormat Yang Berhormat Dr Haim Hilman Abdullah, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Industri & Pelaburan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi & Inovasi.

Ketibaan Yang Berhormat di Lobi Utama, Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak, telah disambut oleh Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE) serta Pegawai UniSHAMS, dan seterusnya diiring untuk sesi lawatan ke Galeri Tuanku Canselor, yang menempatkan koleksi sejarah pembangunan UniSHAMS.

Satu sesi perbincangan kemudiannya, diadakan di Bilik Mesyuarat Utama. Naib Canselor dalam pembentangan beliau, telah memberikan penerangan berkenaan hala tuju pentadbiran, Pelan Strategik dan pencapaian semasa UniSHAMS. Yang Berhormat pada kesempatan ini, turut dibawa untuk meninjau persekitaran kampus serta bersua kenal dengan staf dan mahasiswa/wi UniSHAMS.

UniSHAMS sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi milik penuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman amat bertuah kerana diberikan ruang untuk terus memperkukuhkan hubungan baik dengan pentadbiran Kerajaan Negeri, khususnya di bawah pemantauan portfolio Yang Berhormat Dr Haim Hilman, demi memartabatkan UniSHAMS sebagai Wadi Kecemerlangan Ummah yang berimpak tinggi, serta kekal relevan di dalam industri pendidikan masa kini.



Kunjungan Hormat Delegasi Kolej Al-Quran Terengganu Ke UniSHAMS

14 Oktober | Kuala Ketil - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) berbesar hati menerima kunjungan hormat delegasi Kolej Al-Quran Terengganu (KQT), pagi ini.

Delegasi KQT yang diketuai oleh Ketua Eksekutif iaitu Prof. Madya Dr Mohd Safri Ali tiba di Lobi Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak, bersama-sama Timbalan Ketua Eksekutif (Akademik & Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan & Pengkorporatan), Pendaftar, para Pegawai KQT dan lima orang Pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR) Terengganu, dan kemudiannya dibawa untuk melawat ke Galeri Tuanku Canselor.

Satu sesi perbincangan berkaitan perkongsian kriteria naik taraf Kolej kepada Kolej Universiti, isu dan cabaran dalam pembangunan institusi dan peluang jaringan kerjasama akademik di antara kedua institusi telah diadakan di Dewan Senat UniSHAMS. Yang Berusaha Dr Rohani Desa, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, mewakili Naib Canselor UniSHAMS telah mempengerusikan sesi perbincangan tersebut, yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri, Bendahari, Dekan Kulliyah, Pengarah Pusat dan Pegawai UniSHAMS.

Sementara itu, satu sesi perbincangan teknikal pembangunan kampus telah diadakan dan dipengerusikan oleh Tn. Hj. Mohd Zaini Hj. Ramli, Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan



Festival Bahasa Jiwa Bangsa 2023 Peringkat Negeri Kedah

25 September 2023 | Kuala Ketil - Festival Bahasa Jiwa Bangsa bersempena dengan Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) dan Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2023 Peringkat Negeri Kedah telah berlangsung dengan jayanya di Perpustakaan, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) pagi ini.

Program tahunan ini merupakan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Perpustakaan UniSHAMS, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Angkatan Sasterawan Nasional (ASAS) Negeri Kedah dan Pertubuhan Sanggar Warisan Budaya Melayu Negeri Kedah (SWADAYA). Pelaksanaan DBK dan DMK adalah bertujuan untuk mengangkat Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030 serta melahirkan masyarakat yang berilmu.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor UniSHAMS. Beliau seterusnya melancarkan buku-buku Penulis Utara, terbitan DBP.

Antara acara yang turut dijalankan sempena program ini adalah seperti Syarahan Bahasa Jiwa Bangsa

Turut hadir pada majlis ini adalah Tn. Hj. Md Johari Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Dasar DBP, Prof. Emeritus Dato' Dr Abd Aziz Tajuddin, Naib Canselor & Presiden Albukhary International University, Munsyi Mohd Salleh Hj Hassan, Ketua Nazir Negeri Perlis, Kementerian Pendidikan Malaysia, En. Armin Azhari Saleh, Pengarah DBP Wilayah Utara, Tn. Hj. Abu Hassan Murat, Ketua I, ASASI Negeri Kedah, En. Mohd Puzi Abd Hadi, Presiden SWADAYA, Dekan Kuliyah, Pengarah Pusat, penggiat-penggiat bahasa, kakitangan dan mahasiswa UniSHAMS.



Kemerihaan Sambutan Maulidur Rasul 1445H Peringkat UniSHAMS

27 September 2023 | Kuala Ketil - UniSHAMS melalui Pusat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Pejabat Pendaftar, Majlis Perwakilan Mahasiswa serta Majlis Nuqaba telah menganjurkan Program Sambutan Maulidur Rasul 1445H peringkat UniSHAMS.

Program bermula pada pukul 9.00 pagi ini disertai oleh kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UniSHAMS. Para peserta berkumpul di perkarangan lobi Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak sebelum berarak ke Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah. Prof. Dato. Dr. Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor turut hadir memberikan ucapan seterusnya menyempurnakan pelepasan perarakan para peserta.

Usai perarakan, program diteruskan dengan acara dewan. Pihak penganjur telah menjemput Ustaz Mohamad Moqti Bin Ahmad, penceramah bebas untuk menyampaikan ceramah khas sempena Maulidur Rasul 1445H. Sesi ceramah juga dihiasi dengan lantunan alunan qasidah yang disampaikan oleh kumpulan pelajar UniSHAMS.

Semoga penganjuran program ini dapat menambahkan lagi rasa cinta dan kasih kita kepada baginda rasul S.A.W disamping bermahabbah sesama warga UniSHAMS. Solli 'Ala Nabi Muhammad!



Program "Sawadee UniSHAMS"

8 Oktober 2023 | Kuala Ketil -Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) berbesar hati menerima kunjungan delegasi antarabangsa daripada Pondok Moden Rasmianusorn, Wilayah Songkhla, Al-Quran Institute Thailand, dan Sekolah Sasnasuksa, Wilayah Pattani, Thailand.

Delegasi seramai hampir 50 orang terdiri daripada wakil pengurusan iaitu Ustazah Wanida Heemphinit, Pengurus Pondok Moden Rasmianusorn, Mr. Fauzi Langputeh, Pengarah Al-Quran Institute Thailand, Mr. Ibrauheed Wongsanglam, Ketua Pentadbir Hal Ehwal Akademik Al-Quran Institute Thailand, Dr. Marwan Hayeemaming, Ketua Jabatan Akademik, Sekolah Sasnasuksa, dan para pelajar telah mengikuti program "Sawadee UniSHAMS" yang dijayakan bersama oleh Bahagian Pemasaran & Promosi dan wakil mahasiswa Thailand di UniSHAMS (TSISH).

Program ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor UniSHAMS. Turut hadir dalam program tersebut adalah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Pengarah Bahagian Pemasaran & Promosi, Penyelaras Promosi, Penyarah dan staf UniSHAMS.

Delegasi turut disajikan dengan pengisian program seperti taklimat penawaran program, sesi motivasi serta lawatan sekitar kampus, yang bertujuan untuk memberi pendedahan tentang keunikan pengajian di UniSHAMS.



Sambutan Hari Akademia UniSHAMS 2023

29 Oktober 2023 | Kuala Ketil – Sambutan Hari Akademia Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) 2023 telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Eksperimen, sempena Bulan Akademia yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun.

Sambutan Hari Akademia ini bertujuan untuk memberi penghargaan terhadap peranan pegawai akademik yang telah menyumbang kepada UniSHAMS, serta memperingati pengetahuan & pendidikan, mendorong inovasi & kolaborasi serta memotivasi & menginspirasi para pendidik dan anggota akademik yang lain.

Majlis sambutan dimulakan dengan program Wacana Ilmu bertajuk "Akademia Pemacu Malaysia Madani: UniSHAMS Teraju Akademia Kedah" yang disampaikan oleh Prof. Dr Ahmad Rozelan Yunus, Profesor UniSHAMS.

Perasmian sambutan Hari Akademia UniSHAMS 2023 telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Naib Canselor, Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim. Beliau ketika berucap, turut memberikan penekanan terhadap peranan besar para Akademia UniSHAMS untuk terus memberikan komitmen yang terbaik dalam usaha memartabatkan UniSHAMS sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam milik Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang kekal relevan pada masa hadapan.

Sempena sambutan kali ini juga, sebanyak enam (6) kategori anugerah telah disampaikan kepada 41 orang penerima iaitu Anugerah Kepemimpinan Akademik, Anugerah Ikon Khidmat Komuniti, Anugerah Cemerlang Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Anugerah Cemerlang Fail Kursus, Anugerah Edufluencer (pempengaruh pendidikan) dan Anugerah Tokoh Akademia.

Seluruh warga UniSHAMS merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada para Akademia UniSHAMS yang berjaya meraih anugerah sempena sambutan Hari Akademia UniSHAMS 2023.



Kunjungan Hormat Delegasi Uin Mahmud Yunus Batusangkar Ke UniSHAMS

30 Oktober 2023 | Kuala Ketil -Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) berbesar hati menerima kunjungan hormat delegasi Universitas Islam Negeri Mahmud Yunus Batusangkar, Sumatera Barat, Indonesia, pagi ini.

Delegasi UIN Mahmud Yunus Batusangkar diketuai oleh Pengarah Pasca Siswazah iaitu Dr. Ardimen tiba di Lobi Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak, bersama-sama Ketua Program Pasca Siswazah, iaitu Dr. Demina dan Dr. Silvanetri serta penyarah dan mahasiswa. Delegasi kemudiannya dibawa melawat ke Galeri Tuanku Canselor.

Satu sesi perbincangan berkaitan peluang-peluang jaringan kerjasama akademik di antara kedua institusi telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, UniSHAMS. Yang Berusaha Prof. Madya Dr Muhammad Nasri Md. Hussain, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, mewakili Naib Canselor UniSHAMS telah mempengerusikan sesi perbincangan tersebut, yang turut dihadiri oleh Pengarah Pusat dan Pegawai UniSHAMS.



Majlis Penyerahan Zakat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Bagi Tahun 2022

31 Oktober 2023 | Kuala Ketil – Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) hari ini menerima kunjungan delegasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk Majlis Penyerahan Zakat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bagi tahun kewangan 2022.

Delegasi BIMB terdiri daripada En. Mohamad Saidin Hj. Ismail (Pengurus Deposit Korporat Kedah/Perlis), Pn. Fathin Hamimah Mokhtar (Pegarah Perhubungan Pelanggan Negeri Kedah/Perlis) dan En. Mohammad Isma'wee Ismail (Pengurus BIMB Sungai Petani) tiba di perkarangan Lobi Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Razak pada jam 12:00 tengahari dan disambut oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor serta Ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE) UniSHAMS.

Satu sesi lawatan ke Galeri Tuanku Canselor diadakan sebelum delegasi dibawa ke Bilik Mesyuarat Utama untuk sesi penyerahan zakat. Naib Canselor dalam ucapannya mengaluakan kedatangan para delegasi serta merakamkan setinggi ucapan terima kasih kerana UniSHAMS terpilih sebagai antara penerima zakat.

Sesi penyerahan zakat BIMB bagi tahun kewangan 2022 berjumlah RM20,000.00 telah disampaikan oleh Pegarah Perhubungan Pelanggan Negeri Kedah/Perlis kepada Naib Canselor UniSHAMS. Zakat BIMB ini akan diuruskan oleh Bahagian Hasil & Endowmen, Pejabat Bendahari dengan kerjasama Pusat Hal Ehwal Pelajar dan akan disalurkan kepada para mahasiswa/wi UniSHAMS berdasarkan kriteria kelayakan seperti yang telah ditetapkan.

Bantuan-bantuan kewangan seumpama ini akan dapat membantu pihak UniSHAMS dalam memberikan kemudahan kewangan tambahan dan mengurangkan beban para mahasiswa/wi, khususnya mereka dari kalangan asnaf.



Himpunan Solidariti Palestine Di UniSHAMS

1 November 2023 | Kuala Ketil – Warga Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) hari ini berkumpul bersama di perkarangan Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak untuk menjayakan Himpunan Solidariti menentang kekejaman yang berlaku terhadap penduduk Palestine.

Program anjuran bersama Pusat Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) dan Pejabat Pendaftar ini menjadi medan untuk menzhahirkan solidariti dan tanda sokongan terhadap perjuangan saudara mara di bumi Palestine yang pada ketika ini sedang berhadapan dengan konflik berperangan di semenanjung Gaza. Himpunan ini berjaya mengumpulkan hampir 2,000 peserta dari kalangan warga UniSHAMS yang terdiri dari kalangan kakitangan akademik dan pentadbiran, mahasiswa/wi serta masyarakat setempat.

Presiden MPM, Muhammad Hasif Mohd Nasrin memulakan aluan dan memberikan penerangan perjalanan keseluruhan program dan disusuli dengan ucapan pembukaan oleh Yang Berbahagia Naib Canselor UniSHAMS, Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim. Naib Canselor dalam ucapannya menegaskan sokongan warga UniSHAMS yang menolak sekiranya pencabulan hak asasi manusia yang berlaku ke atas penduduk Palestine. Beliau kemudiannya menyempurnakan gimik perasmian, dan seterusnya mengetuai perarakan aman ke Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah. Para peserta yang berpakaian serba hitam telah berarak sambil membawa sepanduk serta mengibarkan bendera, tanda protes terhadap kekejaman yang sedang berlaku ke atas penduduk Palestine.

Setibanya di hadapan dewan, para peserta diperdengarkan dengan pidato yang disampaikan oleh pensyarah Kulliyah Syariah & Undang-Undang iaitu En. Mohamad Ridhauddin Mohd Salleh dan Dr Salah Mohamed Moustafa Elbahrawy. Selain itu, peserta himpunan turut diperdengarkan dengan ucapan oleh Ustaz Aswad Nasron, mahasiswa program Pascasiswazah UNI SHAMS.

Acara kemuncak program adalah penampilan khas Tuan Nadir Al-Nuri Kamaruzaman, Ketua Pegawai Eksekutif, Cinta Gaza Malaysia yang menyampaikan ucapan serta perkongsian pengalaman berkaitan kemelut kekejaman yang sedang berlaku di bumi Palestine. Perkongsian pengalaman serta peristiwa kekejaman ini turut meruntun hati para peserta. Program turut disajikan dengan pementasan oleh mahasiswa/wi UniSHAMS dari Kelab Kesenian & Kebudayaan Pelajar (SACC) dan Kelab Bahasa Melayu yang bertajuk "Perjuangan yang belum selesai". Gema bacaan doa Qunut Nazilah dan doa Rabitah oleh semua peserta program mengakhiri program kali ini.

Sempena program ini juga, pihak UniSHAMS turut menyampaikan kutipan Tabung Sumbangan untuk Palestine berjumlah RM7,481.00 yang berjaya diraih sepanjang program ini berlangsung dan telah diserahkan oleh Naib Canselor UniSHAMS kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Cinta Gaza Malaysia, sambil disaksikan oleh barisan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif UniSHAMS.

Pelaksanaan program himpunan secara aman ini telah menunjukkan sokongan padu seluruh warga UniSHAMS serta masyarakat setempat terhadap isu berkaitan kebebasan dan menolak sekiranya kekejaman yang sedang berlaku ke atas rakyat Palestine.



Kunjungan Hormat Delegasi Asean Lecturer Community (ALC) & Majlis Menandatangani MoU Bersama Universitas Buana Perjuangan (UBP) Karawang, Indonesia

8 November 2023 | Kuala Ketil - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) menerima kunjungan hormat delegasi ASEAN Lecturer Community (ALC) awal pagi ini. Delegasi diketuai oleh Setiausaha Eksekutif ALC, iaitu Prof. Madya. Dr. Inda Gumilang bersama 50 orang peserta dari kalangan pensyarah dan pelajar beberapa buah universiti di Indonesia tiba di Lobi Utama, Bangunan Canselor. Tan Sri Uztaz Azizan Abdul Razak dan dibawa untuk mengunjungi Galeri Tuanku Canselor.

Satu sesi perbincangan berkaitan kerjasama akademik di antara kedua belah pihak telah diadakan di Dewan Senat dan disusuli dengan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UniSHAMS & Universitas Buana Perjuangan (UBP) Karawang, Indonesia. Pemeterian MoU ini telah berlangsung dengan jayanya dan disempurnakan oleh YBrs Dr. H. Sihabudin, SE., MM dan YBrs Dr. H. Puji Isyanto, SE., MM yang mewakili UBK Karawang, manakala YBrs Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri bin Md Hussain selaku wakil UniSHAMS.

Sempena kunjungan hormat ini juga, para delegasi turut menyertai Seminar Antarabangsa yang bertemakan 'Islamic Finance And Future Challenges In Indonesia-Malaysia' yang berlangsung di Dewan Serbaguna. Seramai empat orang pembentang telah membentangkan kertas kerja masing-masing yang terdiri daripada wakil UniSHAMS serta UBK Karawang.

Semoga kunjungan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara UniSHAMS dan ALC serta delegasi universiti dari Indonesia yang hadir, seterusnya menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang.



Karnival Awesome D' UniSHAMS 2.0 Cetus Fenomena Kemeriahan Di Kuala Ketil

19 November 2023 | Kuala Ketil - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) melabuhkan tirai penganjuran Karnival Awesome D'UniSHAMS 2.0 yang telah berlangsung pada 18 hingga 19 November 2023. Karnival yang menjadi acara tahunan ini merangkumi kombinasi tiga acara utama iaitu Kejohanan Regatta Perahu Naga; Karnival Kerjaya; dan Fiesta Usahawan. Karnival anjuran Pusat Hal Ehwal Pelajar turut melibatkan kerjasama pelbagai agensi seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kedah Tourism, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah, PERKESO, Bank Rakyat, Bank Islam dan beberapa agensi berkaitan.

KEJOHANAN REGATTA PERAHU NAGA: Rakaman aksi penuh debaran

Kejohanan Regatta Perahu Naga telah disajikan dengan aksi hebat lebih 14 buah pasukan bertanding dalam 2 kategori utama iaitu Kategori IPT & Kategori Terbuka Premier. Para pendayung dan pasukan bertanding telah bersaing dengan semangat juang yang tinggi dalam usaha untuk menjuari kejohanan. Kawasan tasik UniSHAMS dibanjiri penonton dari kalangan peserta, pelajar dan penduduk setempat yang turut merebut kesempatan untuk memeriahkan acara sukan air kali ini. Pasukan Johor Racing Team (JRT) berjaya mendominasi dalam kedua-dua kategori yang dipertandingkan apabila muncul juara dengan membawa pulang wang tunai RM1,000 bagi Kategori IPT dan RM2,500 bagi Kategori Terbuka Premier, beserta pingat dan sijil penyertaan. Pasukan tuan rumah, UniSHAMS Dragon Boat Club (UDBC) sekadar berpuas hati di tempat yang ketiga.

KARNIVAL KERJAYA: Pintu ke dunia pekerjaan

Karnival Kerjaya dengan kerjasama My Future Job, PERKESO membawa lebih 20 majikan yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dan program latihan kepada pelajar dan graduan. Sesi temu duga, bengkel kemahiran, dan perbincangan kerjaya memberikan pandangan mendalam tentang keperluan industri kepada bakal graduan, sambil menjalinkan hubungan yang bermakna dengan pihak industri.

FIESTA USAHAWAN: Memperkasakan semangat keusahawanan

Fiesta Usahawan menjadi pusat daya tarikan dengan pelbagai produk dan perkhidmatan yang dipamerkan oleh usahawan siswa dan luar. Pengunjung dapat menikmati pelbagai produk berkualiti, sambil merasa semangat keusahawanan yang berkobar-kobar di sekitar Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah. Selain itu, acara-acara menarik seperti sembang santai bersama usahawan alumni, pertandingan teh tarik, FUUH sales challenge dan pertandingan mewarna turut diadakan.

Majlis Perasmian Penutup Karnival Awesome D'UniSHAMS 2.0 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dr Haim Hilman Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Industri & pelaburan, Pengajian Tinggi dan Sains, Teknologi & Inovasi. Yang Berhormat dalam ucapan beliau yang penuh inspirasi, turut menyatakan rasa kagum terhadap kejayaan penganjuran dan sokongan komuniti dalam menjayakan karnival kali ini. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada para peserta yang bertanding pada Kejohanan Regatta Perahu Naga.

Terdahulu, Naib Canselor UniSHAMS, Prof Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim dalam ucapannya menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan penganjuran Karnival Awesome D'UniSHAMS 2.0. Kejayaan penganjuran ini juga telah membuktikan bahawa, UniSHAMS bukan sahaja sebuah universiti, tetapi sebuah komuniti yang berkongsi semangat kebersamaan, inovasi, dan keusahawanan. Selain itu, beliau berharap agar kesan positif dan pengalaman yang diperolehi oleh pelajar dan komuniti setempat akan menjadi pemangkin bagi pencapaian yang lebih besar di masa hadapan. Karnival Awesome D'UniSHAMS 2.0 telah mencipta kenangan yang tidak akan dilupakan dan memberi inspirasi kepada semua untuk terus mencapai kecemerlangan. Beliau turut berharap agar penganjuran karnival ini akan dapat terus dilaksanakan untuk tahun-tahun yang mendatang.

Sempena karnival ini juga, terdapat beberapa acara lain dijalankan yang turut menarik minat penonton seperti Kejohanan Petanque Tertutup UniSHAMS, Festival Usuluddin, persembahan Silat Pahlawan Kedah, acara berkuda, acara memanah dan lain-lain lagi.



UniSHAMS Raih Kejayaan Lepasi Audit Pensijilan ISO 21001:2018 Educational Organization Management System (EOMS) Peringkat Kedua



22 November 2023 | Kuala Ketil – Mesyuarat Penutup Lawatan Audit Pensijilan ISO 21001:2018 Educational Organizations Management Systems (EOMS) Peringkat Kedua yang berlangsung di Dewan Senat, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah melakarkan lembaran sejarah baharu, apabila syor pensijilan telah diumumkan oleh Ketua Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Pn. Maznah Mat Isa pada petang ini.

Pada mesyuarat tersebut, Pn. Maznah dan En. Mohamad Hamidi Yusof, Juruaudit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah membentangkan laporan penemuan audit sepanjang tempoh berlangsungnya pengauditan selama empat hari, bermula pada 19 hingga 22 November 2023. Pn. Maznah turut mengulas bahawa, UniSHAMS telah berjaya mengenal pasti tindakan kawalan risiko dan peluang dalam setiap proses yang terlibat di dalam pelaksanaan EOMS.

Ujar beliau lagi, keberkesanan tindakan kawalan risiko dan peluang tersebut diukur berdasarkan pencapaian prestasi proses yang diselaraskan dengan pencapaian KPI dari Pelan Strategik UniSHAMS 2021-2035 yang meliputi lima tonggak utama, terdiri daripada Tonggak: Kecemerlangan Akademik; Kecemerlangan Pelajar; Kelestarian Kewangan; Kelestarian Institusi; dan Tadbir Urus. Ianya meliputi 19 Teras Strategi, 56 Strategi dan 127 Inisiatif.

Secara keseluruhannya, pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah merumuskan bahawa, pelaksanaan EOMS di UniSHAMS adalah baik dan memuaskan serta memenuhi Standard ISO 21001:2018. Walau bagaimanapun, ianya masih boleh ditambahbaik berdasarkan laporan penambahbaikan OFI yang dikeluarkan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dr Rohani Desa yang mewakili Naib Canselor, dalam ucapan beliau, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd., pihak Sekretariat yang terdiri daripada Pusat Jaminan Kualiti dan 16 Juruaudit Dalam yang telah dilantik, serta Dekan-Dekan Kulliyah, Pengarah-Pengarah Pusat, Pegawai dan seluruh warga UniSHAMS yang terlibat secara langsung atau di belakang tabir di atas komitmen, kegigihan dan kerjasama yang terbaik diberikan dalam menjayakan pelaksanaan pengauditan ini.

UniSHAMS dijangka akan menerima Sijil Perakuan Pensijilan ISO 21001:2018 Educational Organizations Management Systems (EOMS) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd., yang meliputi skop pemberian perkhidmatan pendidikan pada peringkat Asasi, Prasiswazah, Pascasiswazah dan Perkhidmatan Sokongan. Kejayaan ini diharapkan dapat memperkasakan lagi urus tadbir dan kualiti pengurusan perkhidmatan, seterusnya memartabatkan UniSHAMS sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam milik penuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang kekal relevan dan berdaya saing.

Syabas dan tahniah diucapkan! Moga UniSHAMS terus gemilang.

Hari Anugerah Kualiti UniSHAMS: Meraikan Kecemerlangan Pencapaian Dalam Perkhidmatan Dan Kualiti Pendidikan

31 Disember 2023 | Kuala Ketil - Dewan Eksperimen, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) menjadi pentas sambutan Hari Anugerah Kualiti UniSHAMS. Program tahunan ini menggabungkan tiga kategori utama penganugerahan iaitu; Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC); Anugerah Kualiti Akademik (AKA); dan Anugerah Pencapaian Kulliyyah/Pusat Pengajian.

Pada majlis tersebut, Yang Berbahagia Naib Canselor UniSHAMS, Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim telah menyempurnakan gimik perasmian. Terdahulu, beliau turut menyampaikan Amanat Naib Canselor 2024 dengan memberikan penekanan terhadap hala tuju dan strategi ke arah menjadi sebuah universiti Islam global dengan berintegrasikan ilmu dan kebijaksanaan. Naib Canselor turut menyeru agar warga UniSHAMS agar dapat menanam kepercayaan diri yang tinggi dan memberikan komitmen yang terbaik, demi menjamin kelestarian operasi, dan menjadikan UniSHAMS sebagai sebuah IPT yang kekal relevan serta menjadi destinasi pengajian pilihan pelajar.

Sempena majlis ini juga, Naib Canselor merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga UniSHAMS di atas kejayaan dan pencapaian hebat sepanjang tahun 2023 dalam pentadbiran, akademik serta hal ehwal pelajar.

Seramai 30 orang kakitangan akademik dan pentadbiran telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2022. Anugerah Kualiti Akademik (AKA) pula menyaksikan sebanyak 7 kategori dinilai berdasarkan pencapaian pegawai akademik sepanjang tahun 2022 dalam penyelidikan. Sementara itu, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang telah dinobatkan sebagai Kulliyyah/Pusat Pengajian terbaik bagi tahun 2023 dengan memperolehi peratusan keseluruhan sebanyak 23.73%.

Naib Canselor kemudiannya menyempurnakan majlis penyampaian Sijil Penghargaan kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan Audit Pensijilan ISO-21001:2018 Educations Organizations Management System (EOMS).



PROGRAM KESIHATAN DAN KECERGASAN FIZIKAL : SLOW JOG

11 Disember 2023 | Kuala Ketil - Yang Berbahagia Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim hari ini merasmikan Program Kesihatan dan Kecergasan Fizikal : Slow Jog.

Program anjuran Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Sukan telah dipimpin oleh jurulatih bertauliah, En. Razali Rashid yang juga merupakan Slow Jogging Ambassador, Malaysia (International Slow Jogging Association).

Para peserta dari kalangan kakitangan UniSHAMS telah berhimpun di perkarangan parkir Canselori untuk sesi taklimat, sebelum memulakan jogging perlahan mengelilingi kampus.

Majlis penyampaian hadiah kepada 13 peserta terawal yang menamatkan acara jogging perlahan dan 20 pemenang cabutan bertuah telah disempurnakan oleh Naib Canselor di Lobi Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak.

Pengajuran program ini adalah antara inisiatif pihak UniSHAMS untuk memastikan agar kakitangannya dapat terus kekal cergas, sihat dan seterusnya dapat mempertingkatkan tahap produktiviti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.



**PROGRAM KESIHATAN DAN
 KECERGASAN FIZIKAL : SlowJog**

MASA: 8.30 PAGI - 12.00 TENGAH HARI (ISNIN) | 11 DISEMBER 2023
 TEMPAT : RUANG LOBI CANSELORI

DIMENJANG OLEH
Y.BHG NAIB CANSOLOR

- PEMENANG LARIAN DARI TEMPAT PERTAMA SEHINGGA 13 UTK LELAKI DAN WANITA
- SESI CABUTAN BERTUAH + MAKANAN DISEDIAKAN + KEHADIRAN AKAN DIAMBIL

JAMBUJAYA 2023 BUKAL: 0000
 SLOW JOGGING ANSACABANG, MALAYSIA
 INTERNATIONAL SLOW JOGGING ASSOCIATION

BERITA LUAR KAMPUS

Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK)

Baling, 10 Mei 2023 - Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniSHAMS dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat Baling telah menganjurkan Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) bermula 8 Mei hingga 10 Mei 2023.

Seramai 20 staff UniSHAMS dalam kalangan wakil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dari setiap bangunan telah menghadiri kursus ini yang bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Baling.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memenuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta S14) yang mewajibkan premis membentuk Organisasi Keselamatan Kebakaran. Lanjutan dari kursus ini pihak pengurusan UniSHAMS akan membuat permohonan Sijil Keselamatan Kebakaran dari pihak Bomba.

Peserta kursus didedahkan dengan pengurusan keselamatan kebakaran serta dilatih beberapa kemahiran dalam menghadapi bencana kebakaran. Setelah menamatkan kursus lengkap selama 3 hari, setiap peserta diberikan sijil pasukan Organisasi Keselamatan Kebakaran.

Majlis penutup telah dirasmikan oleh Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Baling, Tuan Mohd Jamil bin Mat Daud bersama En. Sufyan bin Sulaiman, Pengarah Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan UniSHAMS serta Dr Khairullizam bin Sapari, Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniSHAMS.



Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 8)

Kajang, Selangor, 11 Mei 2023 - Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 8) telah berlangsung di Universiti Islam Selangor (UIS) pada tanggal 10 dan 11 Mei 2023 yang lalu.

Program kolaborasi antara Pusat Pengajian Umum (PPU), UniSHAMS dengan Pusat Pengajian Teras, UIS diteruskan dengan tema tahun ini "Implementasi Nilai dalam Mendepani Arus Digitalisasi" sebagai salah satu usaha untuk memberi ruang kepada para ahli akademik membentangkan kertas kajian mereka. Hasil perjanjian kerjasama yang telah berlangsung pada tahun 2019 di UniSHAMS hingga kini 2023 telah banyak kertas kerja dibentangkan dan telah diterbitkan. Lima tahun berturut-turut banyak peluang yang telah diberikan kepada pihak PPU sebagai rakan sinergi.

Pada tahun 2019 Pengarah PPU, Puan ³ Adlina Bt. Abd. Khalil telah dilantik sebagai Pengarah Bersama untuk PASAK 4. Tahun 2020 dilantik sebagai penasihat bersama PASAK 5 Diikuti pada tahun 2021 dan 2022 diberi peluang sebagai salah seorang ahli PLENO. Pada tahun ini, tradisi kecemerlangan diteruskan lagi dengan kejayaan pensyarah Pusat Pengajian Umum, Puan Nur Fathin Nadira Abd Rasib telah dipilih sebagai pembentang terbaik PASAK 8 dengan tajuk kajian beliau ⁴ Hubungan nilai murni dan etika keusahawanan ke arah pembentukan bangsa idaman⁵. Manakala Pengarah PPU, En. Mohammad Aizad bin Mohammad Bokhari menjadi wakil UniSHAMS sebagai ahli sidang PLENO kali ini.

Diharap, hubungan kolaborasi ini menjadi pencetus kepada bidang penyelidikan yang berterusan disamping jaringan sosial dapat dibentuk dengan rakan kerjasama lain seperti UPNM, ILMAN, USIM, UNISSA, Brunei serta PNU, Thailand.



Program Mobiliti Antarabangsa (Inbound) UniSHAMS- UNP 2023

Kuala Ketil, 6 Jun 2023 – UniSHAMS telah melaksanakan Program Mobiliti Antarabangsa (Inbound) UniSHAMS-UNP 2023 sempena kunjungan rombongan mahasiswa dan dosen MK Bimbingan dan Konseling, Universitas Negeri Padang (UNP) ke Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Delegasi terdiri dari 9 orang pensyarah dan 172 orang mahasiswa/ mahasiswi dalam pelbagai peringkat pengajian Kaunseling. Sementara itu, ketibaan para peserta disambut dengan ucapan aluan oleh Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md. Hussain, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UniSHAMS dan diikuti dengan ucapan oleh Prof. Dr Firman, Guru Besar/ Pembina Utama Madya/ IV d UNP.

Program di bawah kelolaan Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi (PPKPK) ini diserikan dengan persembahan Silat Seni Pusaka Hanafi dan persembahan kebudayaan oleh para Mahasiswa UniSHAMS. Selain itu, para peserta juga telah mengikuti 2 slot pengisian ilmiah yang telah disampaikan oleh Prof. Dr. Ahmad Rozelan Yunus dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir Awang.

Semoga program seumpama ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua institusi, serta menghasikan lebih banyak peluang dan ruang kerjasama khususnya dalam bidang akademik, demi manfaat bersama.



UniSHAMS Persembahkan Kek Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Ke-81

Kuala Ketil, 18 Jun 2023 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibnu Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman telah berkenan menyaksikan persembahkan kek daripada jabatan kerajaan dan agensi swasta bersama Keluarga Diraja ketika berangkat ke sesi Raptai DiRaja Istiadat Menyembah Tahniah dan Penganugerahan Darjah-Darjah serta Bintang-Bintang Kebesaran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Tuanku Sultan Kedah Ke-81 pada 16 Jun 2023, bertempat di Istana Anak Bukit.

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) turut berkesempatan untuk mempersembahkan kek sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang Ke-81 yang telah disediakan khas oleh tenaga pengajar dan pelajar daripada Kulliyah Hospitaliti & Seni Kreatif.

Persembahkan kek buah berukuran 25 inci lebar dan 4 inci tinggi dibaluti dengan 'marzipan' (almond paste) dan gula 'fondant', serta dihiasai kerawang emas yang diperbuat daripada coklat putih dan bunga 'pastillage', serta replika Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak yang diperbuat daripada gula 'pastillage'.

Pemilihan konsep rekaan kek ini menampilkan Bangunan Canselori sebagai mercu tanda yang menjadi kebanggaan rakyat di bumi Kuala Ketil, sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam milik penuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.



Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (Nou) Di Antara Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Dan Kolej Vokasional Sungai Petani 1

6 September 2023 | Sungai Petani - Satu Nota Persefahaman (NoU) telah ditandatangani di antara Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan Kolej Vokasional Sungai Petani 1 (KVSP1) yang mencipta landasan baharu bagi kerjasama yang erat antara kedua-dua institusi.

Kerangka kerjasama ini merangkumi pelaksanaan program pendidikan yang bermanfaat kepada kedua-dua pihak yang akan menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan bidang pendidikan, ilmu pengetahuan, kemahiran, kepakaran, dan perkongsian mengenai pelaksanaan kemahiran dan kurikulum program pengajian.

Hasrat pihak KVSP1 yang mahu melihat sebahagian graduannya menyambung pengajian selepas tamat Diploma Vokasional Malaysia (DVM) untuk menjadi tenaga kerja mahir berpendidikan tinggi ini telah disambut baik oleh UniSHAMS yang turut menawarkan program pengajian seperti Teknologi Maklumat, Perniagaan dan Perakaunan yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk dipilih oleh pelajar lepasan DVM.

NoU ini telah ditandatangani oleh Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md. Hussain, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, yang mewakili Naib Canselor UniSHAMS dan Puan Hajah Missiah binti Halim, Pengarah KVSP1. Majlis menandatangani NoU ini telah berlangsung dengan jayanya di KVSP1 yang turut dihadiri oleh Ts. Sufian Mahmood, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Kejurulatihan dan Hubungan Industri, BPLTV, KPM, Prof. Dr Ahmad Rozelan Yunus, Profesor UniSHAMS, Dr Nor Zuhairatun Md. Radzi, Dekan Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan, serta pegawai KVSP1 dan UniSHAMS.



Majlis Mengadap Sembah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah, Pro Canselor 1 UniSHAMS

10 September 2023 | Alor Setar - Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tuanku Raja Muda Kedah, merangkap Pro Canselor 1 Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah berkenan untuk menerima mengadap Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor UniSHAMS.

Majlis Mengadap Sembah tersebut telah berlangsung di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, Wisma Darul Aman, Alor Setar.

Turut hadir bersama pada sesi Majlis Mengadap Sembah kali ini adalah Prof. Madya Dr Muhammad Nasri Md. Hussain, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Tuan Haji Mohd Fahmi Sheikh Omar, Pendaftar, Pengarah Canselori dan Pegawai UniSHAMS.

Naib Canselor UniSHAMS telah menyembah maklum berkaitan persiapan bagi pelaksanaan Istiadat Konvoquesyen UniSHAMS Kali Ke-25 yang akan berlangsung pada 15 hingga 16 Oktober 2023, serta laporan berkaitan hal ehwal semasa pentadbiran dan pengurusan UniSHAMS.



Kunjungan Hormat UniSHAMS Ke Bahagian Penganjuran Pelajaran, MARA

13 September 2023 | Kuala Lumpur - Naib Canselor, Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim mengetuai delegasi Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) pada sesi kunjungan hormat ke Bahagian Penganjuran Pelajaran, Majlis Amanah Rakyat (MARA), yang telah berlangsung pagi ini.

Pertemuan bersama Pengarahnya iaitu Puan Siti Aminah Abdul Kadir, turut diadakan bagi membincangkan beberapa perkara, terutamanya berkaitan penyenaaran semula UniSHAMS di dalam senarai penajaan program pendidikan, selain program perubatan (MBBS). UniSHAMS telah berjaya mencapai kategori "Berdaya Saing" dalam penarafan SETARA 2022, seperti yang telah diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi baru-baru ini.

Hasil dari sesi perbincangan tersebut, pihak UniSHAMS berharap agar program-program akademik yang ditawarkan di peringkat Pra Siswazah dan Pasca Siswazah akan berpeluang untuk mendapat penajaan pihak MARA, seterusnya dilihat dapat menarik minat pelajar serta mampu untuk mempertingkatkan jumlah kemasukan pelajar ke UniSHAMS.

Delegasi UniSHAMS pada sesi kunjungan hormat ini turut disertai oleh Tuan Haji Mohd Zaini Haji Ramli, Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri, Puan Hajjah Molyne Mohd Annuar, Bendahari, Encik Mohd Marwan Mohd Salleh, Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar dan Puan Fuzaini Mohamad, Ketua Unit Hasil & Penajaan.



Kunjungan Hormat Naib Canselor UniSHAMS Ke Atas Pengerusi MARA

14 September 2023 | Kuala Lumpur - Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yang Berbahagia Dato' Dr Asyraf Wajdi Dato' Dusuki, petang ini.

Pertemuan dua sahabat seperjuangan dalam bidang Kewangan Islam ini, merupakan lanjutan kepada siri kunjungan hormat dan sesi perbincangan bersama Pengarah Bahagian Penganjuran Pelajaran, MARA yang telah diadakan semalam.

UniSHAMS yang telah menerima penarafan SETARA 2022 sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi yang "Berdaya Saing", berharap untuk mendapatkan penajaan pihak MARA bagi program-program yang ditawarkan, selain dari program perubatan (MBBS).



UniSHAMS Meterai Memorandum Perjanjian (MoA) & Memorandum Persefahaman (MoU) Bersama UUM, UiTM & LZNK

Shah Alam, 3 Ogos 2023 - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) menerusi kerjasama empat penjurur bersama Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam usaha untuk memperkasakan agenda pembangunan bidang akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

MoA ini melibatkan kerjasama penyelidikan yang dijalankan oleh para penyelidik dari keempat-empat buah organisasi untuk melaksanakan analisa berkaitan fatwa-fatwa zakat Negeri Kedah daripada perspektif Maqasid Al-Shariah dan Fiqh Al-Waql. Majlis menandatangani MoA tersebut telah berlangsung dengan jayanya di Canselori Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam.

MoA ini adalah untuk mengukuhkan kerjasama penyelidikan melalui Geran Kerjasama Penyelidikan (Geran 1+3) yang akan dilaksanakan oleh UUM sebagai induk dan tiga universiti dan industri atau agensi, iaitu UiTM, UniSHAMS dan LZNK.

MoA tersebut telah ditandatangani Prof. Dr Mohd Fo'ad Sakdan mewakili UUM, manakala UITM diwakili Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Roziah Mohd Janor, UniSHAMS diwakili Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Asmadi Mohamed Naim dan LZNK oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Syeikh Zakaria Othman. Selain itu, majlis menandatangani MoU di antara UITM dan UniSHAMS turut berlangsung dengan jayanya.

UniSHAMS sedang giat memperluaskan jaringan kerjasama dengan merentasi pelbagai institusi serta industri di peringkat nasional dan antarabangsa sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan kualiti dalam bidang akademik dan penyelidikan, serta memberi sumbangan berimpak tinggi kepada masyarakat. Penerimaan MoA dan MoU secara strategik, akan turut membantu UniSHAMS dalam penarafan MYRA seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Wakil UniSHAMS yang hadir bersama pada majlis tersebut adalah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Dekan Kulliyah Syariah & Undang-Undang.



Majlis Perasmian RAKYATpreneur & Unipreneur Bank Rakyat 2023

17 Ogos 2023 | Kuala Lumpur - Majlis Perasmian RAKYATpreneur & UNipreneur Bank Rakyat 2023 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Ewon Benedict, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, bertempat di Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

Kira-kira 50 Usahawansiswa Asnaf Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah menyertai program ini yang bermula sejak tahun 2021, 2022 dan 2023 dengan jumlah dana terkumpul yang diterima mencecah sebanyak RM145,000.00.

Sempena program ini juga, UniSHAMS telah mempamer dan memperkenalkan dua produk Usahawansiswa Asnaf di reruai jualan yang disediakan.

Semoga penyertanaan Usahawansiswa UniSHAMS ini akan dapat menyuntik semangat dan seterusnya menanman minat di kalangan mahasiswa untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai antara kerjaya pilihan.



Majlis Mengadap Sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, Canselor UniSHAMS

20 Ogos 2023 | Alor Setar - Kebawah Duli Yang Maha Mulla Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman, merangkap Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah berkenan untuk menerima mengadap Prof. Dato' Dr Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor UniSHAMS.

Majlis Mengadap Sembah tersebut telah berlangsung di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, Wisma Darul Aman, Alor Setar.

Naib Canselor UniSHAMS telah menyembah maklum berkaitan hal ehwal semasa pentadbiran dan pengurusan UniSHAMS, serta persiapan menjelang pelaksanaan Istiadat Konvokesyen UniSHAMS Kali Ke-25 yang dijangka berlangsung pada 15 hingga 16 Oktober 2023.

Turut hadir bersama pada sesi Majlis Mengadap Sembah kali ini adalah Prof. Madya Dr Muhammad Nasri Md. Hussain, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Tuan Haji Mohd Fahmi Sheikh Omar, Pendaftar, Pengarah Canselori dan Pegawai UniSHAMS.



ANUGERAH & PENCAPAIAN

UniSHAMS Terima Penarafan "Berdaya Saing" Dalam SETARA 2022

1 September 2023 | Kuala Ketil - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah menerima Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) 2022 sebagai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang Berdaya Saing.

SETARA adalah sistem penilaian yang bertujuan untuk mengukur jaminan kualiti dan standard IPT bagi Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) kategori Universiti dan Kolej Universiti.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membuat pembaharuan pelaksanaan SETARA 2022 dengan hanya membahagikan kepada dua kategori penarafan sahaja iaitu; iaitu Berdaya Saing dan Berdaya Maju. Penarafan SETARA sebelum ini melibatkan pembahagian enam kategori.

Penilaian SETARA dilaksanakan berdasarkan instrumen dan indikator penilaian yang ditetapkan bagi memacu kepada peningkatan mutu pendidikan yang berkualiti.

IPT yang berada di bawah kategori Berdaya Saing adalah IPT yang berkemampuan untuk bersaing di peringkat lebih tinggi, serta merupakan institusi-institusi yang dinilai dan diklasifikasikan dalam kumpulan IPT yang cemerlang dan memenuhi kriteria-kriteria penilaian di bawah Penarafan IPT Malaysia.

Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan pengurusan dan seluruh warga UniSHAMS di atas penarafan ini. Semoga UniSHAMS terus gemilang dalam persada industri pendidikan.



UniSHAMS Berjaya Rangkul Pingat Emas Dalam TreX 2023

26 September 2023 - TAHNIAH kepada pelajar tahun akhir Sesi 2023/Februari; Nur Nurulzhatulysima Azyikin binti Samsul bersama Penyelia Utama Dr. Norzaila Mohamad Nor, dan Penyelia Bersama Dr. Mu'azah Md. Aziz yang telah berjaya mendapat Gold Medal dan Best Video Presentation (Higher Institution) untuk projek FYP Jabatan Komputeran - Optima, Unishams bertajuk VowelExplorer: Mobile Learning Apps for Slow Learners.

Dr. Norzaila Mohamad Nor telah membentangkan projek tersebut di 2nd International Conference on Business Innovation, Entrepreneurship and Technology 2023 (ICOBET 2023) yang telah diadakan pada 28 & 29 Ogos 2023 bertempat di Bayview Beach Resort, Pulau Pinang. Persidangan ini yang telah dianjurkan oleh UniMAP telah menjadi Strategic Partnership bersama UniSHAMS di bawah kelolaan Kluster Sistem Maklumat & Pembelajaran Inovasi.

Usaha menjadikan pelajar optimis dalam menghasilkan projek inovasi seperti ini akan diperluaskan seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan secara langsung dapat memberi nilai tambah kepada portfolio pelajar yang terlibat, Kulliyah, dan UniSHAMS.



'Silver Award' Berjaya Dimenangi Penyelidik Dari UniSHAMS Dalam I-RIE 2023

26 September 2023 - Tahniah Dr Rahayati Ahmad (Ketua Penyelidik) serta Ahli Penyelidik Bersama dari UniSHAMS iaitu Dr Marina Abu Bakar, Pn Farah Nadirah Abdul Manan, Pn Siti Hafshah Albasri, Siti Naimah Othman serta Penasihat berwibawa Prof Dr Roshima Said dari UiTM Caw. Kedah serta En Md Nasri Ali dari Takaful Ikhlas Family Berhad kerana berjaya memenangi "Silver Award" dalam pertandingan Inovasi "3rd International Research Invention, Innovation and Exhibition (I-RIE) 2023 dengan tajuk "The Shariah Waqf-Takaful Compensation Index (s-WTCi)" dibawah Geran Penyelidikan FRGS (1/2021/SS01/UniSHAMS/03/01).Terima kasih jugak kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas dana yang diberikan.



UniSHAMS Dragon Boat Club (UDBC) Cemerlang Pada "Penang International Dragon Boat Regatta 2023"

3 Disember 2023 | Teluk Bahang – Kayuhan penuh bertenaga pasukan UniSHAMS Dragon Boat Club (UDBC) telah berjaya merangkul kejuaraan bagi acara 400 meter, "International Junior U24 Open" pada "Penang International Dragon Boat Regatta 2023" yang telah berlangsung bermula 2 hingga 3 Disember 2023, bertempat di Empangan Teluk Bahang, Pulau Pinang. Pasukan UDBC berjaya mengetepikan cabaran enam pasukan lain pada perlumbaan peringkat akhir dengan jumlah catatan masa terkumpul terbaik 3 minit 25.52 saat, meninggalkan pencabar terdekat iaitu pasukan Lela Cheteria di tempat kedua dan Terengganu Dragon Boat di tempat ketiga.

Pasukan UDBC turut berjaya menduduki tempat keempat daripada lapan pasukan yang bertanding pada peringkat akhir acara 400 meter, "International Premier Open". Pasukan UDBC hanya ketinggalan 0.07 saat di belakang pemenang perlumbaan iaitu pasukan Thailand Dragon. Pasukan Philippine Dragon Boat Federation menduduki tempat kedua, diikuti pasukan Pacific West Dragon Boat Club di tempat ketiga.

Temasya kali ini mempertandingkan enam kategori utama, dengan penyertaan lebih 82 pasukan tempatan dan antarabangsa. Malaysia menampilkan penyertaan tertinggi dengan 34 pasukan, diikuti Singapura (14), China (5), Filipina (4), Australia (4), Hong Kong (4), Chinese Taipei (3), United Kingdom (3), Brunei (3), Korea Selatan (2), manakala Kanada, Indonesia, Jepun, New Zealand, Vietnam dan Thailand masing-masing dengan satu pasukan.

Seluruh warga UniSHAMS merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada pasukan UDBC atas pencapaian yang cukup membanggakan ini.



Kulliyah Kaunseling & Sains Sosial Memenangi Gold Dan Silver Di International Education Innovation Expo 2023 Di UPSI

13 November 2023 | Tanjung Malim – Seluruh warga UniSHAMS mengucapkan sekalung tahniah kepada kumpulan Prof Dr Ahmad Rozelan, Prof Madya Dr Fatahyah Yahya, Dr Wan Anor dan Dr Suhadi atas kemenangan 1 pingat Emas dan 2 Perak pada pertandingan peringkat antarabangsa di International Education Innovation 2023 di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Pensyarah Kulliyah Kaunseling & Sains Sosial telah membawa inovasi mereka iaitu Cultural Awareness Protocol (CAP) For Counselling Teenage Pregnancy Cases yang memenangi Gold, One Minda Sihat telah memenangi Silver dan Enhancing Self-Compassion: An Integrated Approach of TR-TAN - Reality Therapy and Tazkiyah An-Nafs in Counselling Intervention juga telah memenangi Silver.



Mahasiswa UniSHAMS Raih Kejayaan Cemerlang Pada MTHQIPT 2023

29 September 2023 | Gong Badak - Empat orang mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) raih keputusan cemerlang pada Peringkat Akhir, Majlis Tilawah Al-Quran dan Menghafaz Al-Quran, Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (MTHQIPT) 2023, yang telah berlangsung dengan jayanya di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 26 hingga 29 September 2023.

Keputusan Peringkat Akhir MTHQIPT 2023 menyaksikan pencapaian yang cukup membanggakan oleh wakil mahasiswa dari Kulliyah Usulluddin & Sains Al-Quran, UniSHAMS seperti berikut:

KATEGORI TILAWAH AL-QURAN (LELAKI)

Mohammad Syarafi Mohd Zokeri
Keputusan: **Saguhati**

KATEGORI HAFAZAN 1-30 JUZUK (PEREMPUAN)

Raudah Abdul Razak
Keputusan: **Johan**

KATEGORI HAFAZAN 1-20 JUZUK (LELAKI)

Abu Bakar Assiddiq Mohamad Farid
Keputusan: **Naib Johan**

KATEGORI HAFAZAN 1-10 JUZUK (PEREMPUAN)

Atifah Abdul Rahman
Keputusan: **Naib Johan**


Seluruh warga UniSHAMS merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada kontinjen UniSHAMS di atas pencapaian cemerlang ini. Tahniah juga buat Dekan dan warga Kulliyah Usulluddin & Sains Al-Quran, Pegawai Pengiring, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyertaan pada edisi MTHQIPT 2023.





LENSA
UNISHAMS

KONVOKESYEN KE-25 UNISHAMS



PAMERAN PENDIDIKAN TINGGI
UNISHAMS



UNI SHAMS

DI MEDIA MASSA

UniSHAMS
Universiti Islam Malaysia

**Timbalan
Radio Kedah
Sesi Kemasukan
Ogos 2023**

AMAL 29 Jun 2023
11.15 Pagi

**Dr. Dato' Dr. Anwarul Iqbal
Mohamed Nabil**
Pengerusi Bahagian Pendidikan
Kampus

UniSHAMS
Universiti Islam Malaysia

**Timbalan
Radio Kedah
Ambilan
FEB 2024**

JUMAAT 29 Dis 2023
1.30 - 4.30 petang

**Dr. Khalid bin
Mohamed Nabil B. Haniffa**
Pengerusi Bahagian Pendidikan
Kampus



UniSHAMS
Universiti Islam Malaysia

**SLOT
ASSALAMUALAIKUM**

**KEMASUKAN SESI
FEBRUARI
2023**

10 Jan 2023 | Selasa
9.18 pagi

MUHAMMAD NAWAZ ABD ESHAM
Pengerusi Bahagian Pendidikan
Kampus

UniSHAMS
Universiti Islam Malaysia

SLOT ASSALAMUALAIKUM

**Bicara
Pascasiswazah &
Medik (MBBS) UniSHAMS**

19 Ogos 2023
Sabtu - 9.00 pagi

Dr. Anwarul Iqbal Mohamed Nabil
Pengerusi Bahagian Pendidikan
Kampus

Prof. Dr. Nurul Huda
Pengerusi Bahagian Pendidikan
Kampus



UniSHAMS
Universiti Islam Malaysia

**Jom Masuk
UniSHAMS**

Sesi Kemasukan Ogos 2022

15 Julai 2022 | Isnin
9.00 Pagi

UniSHAMS
Universiti Islam Malaysia

**KEMASUKAN SESI
FEBRUARI
2023**

31 Dis 2022 | Sabtu
9.30 pagi



HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

UNISHAMS





UniSHAMS

UNIVERSITY OF INTERNATIONAL ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

DITERBITKAN OLEH

UKK
UNIT KEMENTERIAN KEMAJLISAN
KEMENTERIAN KEMAJLISAN